

Tukang kimpal memandu dalam keadaan mabuk dipenjara sehari, denda RM10,200

MIRI: Seorang tukang kimpal dijatuhi hukuman penjara sehari dan denda RM10,200 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, kelmarin setelah disabitkan bersalah atas pertuduhan memandu di bawah pengaruh alkohol.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh hilang kelayakan memegang lesen memandu selama tempoh dua tahun bermula daripada tarikh pensabitan.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Sandy Yvette Freddy selepas meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan bersalah tertuduh, rayuannya, fakta kes, keseriusan kesalahan serta mengambil kira kepentingan awam.

Tertuduh, Thomas Bada Ledam, 40, dari Kapit, didakwa mengikut Seksyen 45A(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2020) yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun dan denda sehingga RM30,000, selain hilang kelayakan daripada memohon atau memegang lesen memandu selama tempoh dua tahun, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, pada jam 1.11 pagi, 22 April lalu, sepasukan pegawai dan anggota polis dari Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik

Daerah (BSPTD) Miri yang menjalankan Op Mabuk di Jalan Miri-Airport di sini bagi mengesan pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol, telah menahan sebuah kereta jenis Nissan Almera yang dipandu tertuduh.

Kereta itu ditahan untuk tujuan pemeriksaan selepas didapati dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Polis yang kemudian menjalankan ujian saringan pernafasan menggunakan peralatan SD2+ mendapati kandungan alkohol dalam darah tertuduh sebanyak 144 miligram (mg) bagi setiap 100 mililiter (ml), melebihi had ditetapkan iaitu 50mg/100ml.

Berikutan itu, tertuduh telah ditahan dan keretanya disita bagi tujuan siasatan lanjut.

Sampel darah tertuduh kemudian dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia, Bintulu dan laporan kimia turut mengesahkan kehadiran alkohol dalam darahnya.

Di hadapan mahkamah, tertuduh yang merupakan bapa kepada empat orang anak merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan kes dikendalikan pegawai pendakwa, ASP Mary Ong, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.